

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 16 JULAI 2019

SOALAN : 103

TUAN TEH KOK LIM [TAIPING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil dalam usaha memastikan kerja-kerja projek Kerajaan baru dipantau dengan ketat dan sempurna demi kepentingan semua rakyat.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bagi memastikan kerja-kerja projek kerajaan dipantau dengan ketat dan sempurna, Arahan No. 1 2018, Jentera Penyelarasan Pelaksanaan telah dikeluarkan bertujuan untuk memastikan pelaksanaan dasar, program dan projek Kerajaan khususnya di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) dan inisiatif-inisiatif semasa Kerajaan dapat diselaraskan dan dipantau secara efisien dan holistik. Semua pihak haruslah menyelaras dan memantau pelaksanaan projek/program melalui jentera-jentera yang diwujudkan di peringkat daerah, negeri dan persekutuan untuk memastikan kejayaan pelaksanaan program dan projek kerajaan demi kepentingan semua rakyat.

Sekian, terima kasih.